

18 MAR 1997

Zin-Pelaburan

MELAKA JAMIN MUDAHKAN KEMASUKAN PELABURAN

MELAKA, 18 Mac (Bernama) -- Kerajaan negeri Melaka memberi jaminan untuk memberi seberapa banyak kemudahan dan juga mempercepatkan kelulusan kepada pelaburan baru yang memasuki negeri itu.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani berkata, beliau akan mengarahkan semua jabatan dan agensi kerajaan negeri supaya memastikan urusan meluluskan pelaburan dibuat dengan mudah dan segera.

"Jabatan atau agensi kerajaan negeri perlu bertindak membantu kemasukan pelaburan dan bukannya menjadi penghalang," katanya semasa mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mengenai adanya negeri yang bersikap negatif dalam membantu kemasukan pelaburan.

Perdana Menteri berkata, antara masalah yang dikesan ialah langkah kerajaan negeri mengenakan premium tanah yang terlalu tinggi dan pelbagai syarat tambahan bertujuan mendapatkan pendapatan segera.

Dr Mahathir berkata di Kuantan semalam bahawa negeri yang mudah berkira dan cepat buat keputusan, pembangunannya lebih pesat dan bakal mendapat hasil pendapatan jangka panjang.

"Saya akan melihat perkara itu dan jika mendapati perkara seperti itu dilakukan oleh jabatan dan agensi...saya akan pastikan langkah membetulkan keadaan diambil segera," jelas Mohd Zin.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas meraikan kira-kira 150 bakal haji Bahagian Umno Kota Melaka malam tadi.

Ketua Menteri juga berkata kerajaan negeri bercadang memperkenalkan syarat dan peraturan bagi mengawal harga jualan tanah terutama bagi tujuan industri oleh pemaju swasta.

"Penjualan tanah oleh swasta yang mengikut harga semasa mungkin terlalu tinggi dan mengurangkan minat pelabur...kita akan kaji kedudukan itu supaya pelaburan tidak terjejas,"

Kerajaan negeri dalam usaha menarik pelaburan telah memperkenalkan pelbagai insentif termasuk mengenakan premium tanah pada kadar nominal untuk semua pelaburan bagi bidang pelancongan.

"Keputusan juga baru dibuat oleh Exco kerajaan negeri supaya kadar premium tanah bagi tujuan pembinaan institusi pendidikan di sini dikenakan sebanyak 50 peratus sahaja,". -- BERNAMA

MOZ PR